

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERUS

RANCANGAN PERNIAGAAN  
AGAS MELAKSANAKAN  
ETR 200

MINIABET - TECHNO  
ENTERPRISE

DISEDIAKAN UNTUK :

EN. KHAIRUL ANUAR SUBARI

DISEDIAKAN OLEH :

IZAWANI ABDULLAH  
(96133600)

ROSNANI MAT IL  
(96478682)

SITI HARINA AYU ALI AKBAR  
(97130083)

NORSALINA MIRUDIN  
(963996340)

W. NOR ZEATY HAMIDAH W. ABD AZIZ  
(96529010)

## ***PENGENALAN***

MINARET-TECHNO ENTERPRISE ialah sebuah syarikat yang akan di tubuhkan 4 tahun dari sekarang iaitu pada tahun 2003. MINARET-TECHNO ENTERPRISE merupakan syarikat pembekal alat-alat aksesori kereta yang mengkhususkan pengedaran produk yang berbentuk penggera yang diletakkan pada kunci kereta. Ia juga merupakan sebuah perniagaan hasil gabungan 5 orang usahawan bumiputera di mana ia tertakluk di bawah 'Akta Perkongsian 1961'.

Idea untuk menubuhkan MINARET-TECHNO ENTERPRISE adalah bermula daripada salah seorang ahli perkongsian kami iaitu Cik W.Norzeaty yang ketika itu sedang bertugas sebagai Penolong Pentadbir di EON. Kejadian di mana keretanya telah dicuri ketika sedang bekerja di dalam pejabat setahun yang lepas telah mencetuskan idea untuk mencipta satu produk iaitu "ALAT PENGGERA ELEKTRONIK" yang di tambah fungsinya pada kunci kereta yang telah sedia ada. Alat penggera pada kunci kereta ini akan berbunyi apabila kereta tidak dikunci dengan betul atau diceroboh dan ianya akan didengari juga oleh pemilik kereta tersebut tidak kira di mana dia berada.

Setelah difikirkan dengan semasak-masaknya, Cik Norzeaty mula teringatkan sahabat-sahabat sepengajiannya dahulu. Dia cuba menghubungi Rosnani, Siti Harina Ayu, Izawani dan Norsalina untuk bertanyakan pendapat mereka tentang ideanya itu. Rosnani pada ketika itu sedang bekerja sebagai akauntan di salah sebuah institusi kewangan di Kelantan. Siti Harina Ayu pula sedang bertugas sebagai Penolong Pengurus Operasi di syarikat bapanya sendiri, Izawani sebagai Pengurus di MARDI dan Norsalina pula sebagai Pegawai Pemasaran di PETRONAS.

Lokasi perniagaan yang dipilih ialah di kawasan Perindustrian Mergong, 08000 Kedah Darul Aman. Tempat ini telah terpilih sebagai lokasi perniagaan syarikat kami kerana ianya strategik dan berpotensi untuk berkembang dengan pesat tambahan lagi berdekatan dengan kemudahan infrastruktur yang boleh membantu segala urusan-urusan perniagaan ini. Disamping itu penduduknya juga ramai di mana majoriti purata

pendapatan mereka adalah sederhana. Kami telah mengambil keputusan untuk menjadikan sebuah bangunan rumah kedai 2 tingkat sebagai aset tetap perniagaan kami dan akan dilakukan pengubahsuaian sendiri ke atas bangunan tersebut. Syarikat kami yang beroperasi sebagai pengedar kepada perniagaan ini akan cuba meluaskan pasaran ke atas semua peringkat sasaran pengguna. Hasil daripada kajian yang telah dibuat kami mendapati bahawa syarikat ini berkemampuan untuk menembusi pasaran dan dapat memenuhi permintaan pelanggan terhadap barangan keluaran kami.

Bagi melicinkan perjalanan syarikat segala perancangan awal telah di buat mengikut pembahagian tugas dan jawatan di dalam setiap pengurusan. Setiap ahli rakan kongsi telah di beri pengkhususan tugas masing-masing mengikut bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran yang akan diurus oleh Cik Norzeaty sendiri, Bahagian Kewangan diurus oleh Cik Rosnani, Pemasaran oleh Cik Norsalina, Operasi oleh Cik Siti Harina Ayu dan di terajui oleh Cik Izawani sebagai 'General Manager'.Ini semua adalah berdasarkan kredibiliti dan kepakaran masing-masing.Dengan ini diharap syarikat dapat berjalan dengan baik,sempurna dan lancar.

Manakala dari segi Imbuhan Balas Jasa Dan Insentif Pekerja,kami telah bersepakat untuk memberi bonus kepada pekerja sekiranya keuntungan diperolehi pada tahun seterusnya syarikat ini beroperasi.Selain bonus,cuti dan faedah sampingan juga turut diberikan oleh syarikat ini.Untuk KWSP,majikan perlu mencarum sebanyak 13% daripada gaji pokok pekerja dan potongan gaji pokok pekerja sebanyak 11% juga diambilkira serta akhir sekali 2% untuk PERKESO.

Kami berharap segala usaha yang akan dijalankan akan menampakkan kejayaan dan membuahkan hasil.

<b><i>SURAT PENYERAHAN</i></b>	<b><i>i</i></b>
<b><i>ISI KANDUNGAN</i></b>	<b><i>ii</i></b>
<b><i>SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN</i></b>	<b><i>iii</i></b>
<b><i>LOGO</i></b>	<b><i>iv</i></b>
<b><i>PENGHARGAAN</i></b>	<b><i>v</i></b>
<b><i>1.0 BAHAGIAN PENGENALAN</i></b>	
<b><i>1.1 PENGENALAN</i></b>	<b><i>1</i></b>
<b><i>1.2 TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN</i></b>	<b><i>3</i></b>
<b><i>1.3 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN</i></b>	<b><i>4</i></b>
<b><i>1.4 LATAR BELAKANG PEMEGANG SAHAM</i></b>	<b><i>5</i></b>
<b><i>1.5 PELAN LOKASI</i></b>	<b><i>10</i></b>
<b><i>2.0 RANCANGAN PENTADBIRAN</i></b>	
<b><i>2.1 MATLAMAT ORGANISASI</i></b>	<b><i>11</i></b>
<b><i>2.2 STRATEGI ORGANISASI</i></b>	<b><i>12</i></b>
<b><i>2.3 STRUKTUR ORGANISASI</i></b>	<b><i>13</i></b>
<b><i>2.4 SUSUN ATUR PEJABAT</i></b>	<b><i>15</i></b>
<b><i>2.5 CARTA ORGANISASI</i></b>	<b><i>16</i></b>
<b><i>2.6 TENAGA KERJA</i></b>	<b><i>17</i></b>
<b><i>2.7 SENARAI JAWATAN DAN SPESIFIKASI TUGAS</i></b>	<b><i>18</i></b>
<b><i>2.8 IMBUHAN BALAS JASA @ GAJI</i></b>	<b><i>21</i></b>
<b><i>2.9 GANJARAN DAN INSENTIF YANG DI TERIMA         OLEH PEKERJA</i></b>	<b><i>22</i></b>
<b><i>2.10 SENARAI KEPERLUAN PEJABAT</i></b>	<b><i>23</i></b>
<b><i>2.11 PERBELANJAAN PENTADBIRAN</i></b>	<b><i>24</i></b>

### **3.0 RANCANGAN PEMASARAN**

<b>3.1</b>	<b>PENERANGAN PRODUK</b>	<b>25</b>
<b>3.2</b>	<b>PASARAN SASARAN</b>	<b>26</b>
<b>3.3</b>	<b>SAIZ PASARAN</b>	<b>27</b>
<b>3.4</b>	<b>PESAING</b>	<b>28</b>
<b>3.5</b>	<b>KEKUATAN DAN KELEMAHAN PESAING</b>	<b>29</b>
<b>3.6</b>	<b>SYER PASARAN</b>	<b>32</b>
<b>3.7</b>	<b>RAMALAN JUALAN</b>	<b>34</b>
<b>3.8</b>	<b>STRATEGI PEMASARAN</b>	<b>35</b>
<b>3.9</b>	<b>PERBELANJAAN PEMASARAN</b>	<b>37</b>

### **4.0 RANCANGAN OPERASI**

<b>4.1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>38</b>
<b>4.2</b>	<b>KEMUDAHAN ASAS DI KAWASAN PERSEKITARAN</b>	<b>39</b>
<b>4.3</b>	<b>CARTA ALIRAN PROSES</b>	<b>40</b>
<b>4.4</b>	<b>CARTA ALIRAN OPERASI</b>	<b>42</b>
<b>4.5</b>	<b>SENARAI JAWATAN DAN TUGAS</b>	<b>44</b>
<b>4.6</b>	<b>TENAGA PEKERJA</b>	<b>45</b>
<b>4.7</b>	<b>JADUAL KEPERLUAN OPERASI</b>	<b>46</b>
<b>4.8</b>	<b>ANGGARAN KOS BAHAN MENTAH</b>	<b>47</b>
<b>4.9</b>	<b>JADUAL PERBELANJAAN OPERASI</b>	<b>48</b>
<b>4.10</b>	<b>PENGIRAAN KOS OPERASI</b>	<b>49</b>

### **5.0 RANCANGAN KEWANGAN**

<b>5.1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>50</b>
<b>5.2</b>	<b>KOS PERLAKSANAAN PROJEK</b>	<b>51</b>
<b>5.3</b>	<b>SUMBER PERBIAYAAN PROJEK</b>	<b>52</b>
<b>5.4</b>	<b>JADUAL SUSUT NILAI ASET TETAP</b>	<b>53</b>
<b>5.5</b>	<b>JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN</b>	<b>55</b>
<b>5.6</b>	<b>JADUAL BAYARAN BALIK SEWA BELI</b>	<b>56</b>